

20 JAN 1996

PERDANA MENTERI MULAI PROGRAM LAWATAN PEMIMPIN KE DESA

BANTING, 20 Jan (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini memulakan program lawatan pemimpin ke desa dengan lawatan ke Kampung Endah, Kuala Langat.

Dr Mahathir berkata lawatan itu bertujuan memastikan para pemimpin tidak melupakan usaha pembangunan desa kerana terlalu asyik dengan kejayaan di bandar.

"Kita semua berasal dari desa termasuk Umno yang diasaskan oleh penduduk desa. Kita tidak seharusnya lupa kepada desa kerana melupai desa bermakna kita lupakan daratan," katanya.

Kampung Endah merupakan kampung tersusun yang letaknya terpencil di daerah Kuala Langat tetapi muncul sebagai sebuah kampung yang berjaya hasil muafakat yang erat di kalangan penduduknya.

Yang turut hadir pada majlis itu ialah Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, Menteri Besar Tan Sri Muhammad Haji Muhammad Taib, Menteri Pembangunan Luar Bandar Datuk Annuar Musa dan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat Datin Paduka Zaleha Ismail. -- BERNAMA